

UPSI jalin kerjasama Oxford program pelajar Tahfiz dan Turath Islami

Ogos 23, 2023 @ 7:12pm



Sultan Perak Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim berkenan menyaksikan galeri pameran pada Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara UPSI dengan Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS), UK, di Kampus Azlan Shah, UPSI, hari ini. foto/BERNAMA

TANJUNG MALIM: Program 'Qari-in-Residence' membolehkan pelajar program Tahfiz dan Turath Islami Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghabiskan bulan Ramadan di Oxford Centre For Islamic Studies (OXCIS), United Kingdom (UK), bermula tahun depan.

Menerusi program itu, pelajar akan membabitkan diri dalam komuniti tempatan di OXCIS dan Oxfordshire melalui pelbagai aktiviti libat urus serta pemindahan pengetahuan dengan masyarakat yang akan memberi nilai tambah kepada pelajar.

Sultan Perak Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, berkenan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UPSI dengan OXCIS, hari ini.

Keberangkatan Sultan Nazrin dan Tuanku Zara disambut Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan isteri, Datin Seri Aezer Zubin.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, semasa berucap berkata inisiatif "Qari-in-Residence" dihasilkan dengan kerjasama UPSI dan OXCIS.

Beliau berkata, pihaknya percaya dengan menyelami program berdasarkan pengalaman yang melangkaui bilik darjah, satu generasi baharu huffaz profesional akan dilahirkan dan berdedikasi untuk mengangkat martabat al-Quran dari semua sudut.

Pada majlis menandatangani MoA itu, Md Amin mewakili UPSI, manakala OXCIS diwakili Pengarahnya, Dr Farhan Ahmad Nizami.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Sultan Nazrin dan Tuanku Zara diberi penerangan berkenaan Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami. - BERNAMA